

Sekolah berasrama penuh sedia tempat tambahan

BH: 7/7/2007

15 SBP baru disiapkan menjelang 2010 bagi tampung permintaan

Oleh Mohd Hamizar Hamid

PUTRAJAYA: Kementerian Pelajaran akan menyediakan 2,250 tempat tambahan setahun bagi kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) mulai akhir Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 2010 bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pertambahan 37 peratus daripada 6,030 tempat sekarang itu berikutan pembinaan 15 SBP baru dalam RMK-9.

"Buat masa ini, kementerian menawarkan 6,030 tempat setahun di 54 SBP seluruh negara dan jumlah itu hanya dapat memenuhi kira-kira 10 peratus daripada jumlah permohonan setiap tahun," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pertandingan Akhir Bahas Piala Perdana Menteri ke-34 Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Jabatan Sekolah), Alimudin Mohd Dom dan Pengarah Bahagian Sekolah, Noor Rezan Bapoo Hashim.

Hishammuddin berkata, pembinaan 15 SBP baru dalam RMK-9 merangkumi kedua-dua kategori SBP iaitu Sekolah Menengah Sains (SMS) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI).

Beliau berkata, tiga lokasi baru SBP sudah dikenal pasti iaitu di Tapah dan Bagan Datoh, Perak serta di Rembau, Negeri Sembilan yang dijangka siap menjelang akhir tahun depan sehingga 2010.

"Pemilihan lokasi SBP ditentukan berdasarkan komitmen dan kehendak politik kerana objektif utama adalah mengurangkan jurang antara mereka yang berkemampuan dan kurang berkemampuan," katanya.

Hishammuddin berkata, beliau sudah mengarahkan agensi dan pihak terbabit memantau perjalanan projek secara dekat bagi memastikannya siap mengikut jadual.

"Ini berikutan projek pembinaan SBP baru boleh dikategorikan sebagai



CEMERLANG: Hishammuddin menyampaikan piala kepada Muhammad Kasyful pada Pertandingan Akhir Bahas Piala Perdana Menteri Ke-34 di Putrajaya, semalam.

FAKTA NOMBOR

Sekolah Berasrama Penuh

6,030

Tempat ditawarkan
setiap tahun

2,250

Tambahan tempat mulai
akhir RMK-9

projek kritikal dengan mengambil kira permintaan yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, permintaan tinggi untuk kemasukan SBP memperlihatkan keyakinan masyarakat terhadap kualiti pendidikan dan prestasi yang ditunjukkan semua SBP.

Beliau berkata, kementerian juga meneruskan projek khas berbentuk pembiayaan keperluan sekolah kepada pelajar kurang berkemampuan dengan pendapatan keluarga kurang RM600 sebulan.

"Setakat ini, 22.2 peratus pelajar SBP mendapat manfaat daripada projek khas itu yang merangkumi pembiayaan yuran, makanan dan asrama, keperluan sara diri dan bantuan RM50 sebulan di bawah Biasiswa Khas Persekutuan (BKP).

"Ini bersesuaian dengan agenda kementerian di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 untuk merapatkan jurang di antara pelajar bandar dan luar bandar," katanya.

Pada pertandingan itu, SBPI Gombak muncul johan kategori Bahasa Malaysia selepas menewaskan Sekolah Menengah Pokok Sena, Kedah manakala Sekolah Menengah Sains Alam Shah memenangi kategori Bahasa Inggeris mengalahkan Sekolah Tuanku Abdul Rahman (Star), Ipoh.

Sementara itu, Muhammad Kasyful Azim Shahlan, 17, dari SBPI Gombak muncul pembahas terbaik kategori Bahasa Malaysia, manakala Muhamad Zuhri Kamil Sapii, 16, dari Star Ipoh menang kategori Bahasa Inggeris.

DAVID KHOO | BERITA HARIAN